

12 AUG 2001

Kemahiran

KERAJAAN AKAN TUBUH LEMBAGA PEMBANGUNAN KEMAHIRAN MALAYSIA

MELAKA, 12 Ogos (Bernama) -- Kerajaan sedang menyiapkan kertas cadangan penubuhan Lembaga Pembangunan Kemahiran Malaysia (Masdeb) sebagai persiapan memantau pemberian sijil kemahiran oleh badan-badan persijilan di negara ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia Dr Abdul Latiff Ahmad berkata, kertas cadangan itu kini di peringkat akhir dan akan dibentangkan ke Kabinet pada Oktober depan oleh Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn sebelum ia dijadikan satu rang undang-undang.

"Masdeb yang mempunyai pengerusinya sendiri dan diletakkan di bawah Kementerian Sumber Manusia akan mengembangkan lagi peranan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) yang sedia ada," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Induksi Kerjaya Diri Latihan Kemahiran Malaysia di sini, semalam.

Beliau berkata apabila Masdeb dilaksanakan, semua bentuk kemahiran yang ada di negara ini perlu memiliki persijilan yang diiktiraf oleh badan berkenaan sejajar dengan wawasan negara menjadi negara maju pada tahun 2020.

Apabila Malaysia mencapai wawasan negara maju, semua kemahiran memerlukan sijil yang diiktiraf dan memberi hak kepada pelanggan untuk mengambil tindakan undang-undang jika tidak berpuashati dengan kerja-kerja yang dilakukan.

Beliau berkata Malaysia kini tidak lagi berharap tenaga buruh yang murah sebaliknya memerlukan tenaga kerja mahir untuk menarik pelabur melabur di negara ini.

Beliau berkata sehubungan itu, Kementerian telah menyediakan Tabung Pembangunan Kemahiran Pekerja dengan dana sebanyak RM140 juta untuk para pekerja mendapatkan pinjaman bagi meningkatkan lagi kemahiran mereka sejajar dengan keperluan semasa.

"Bagaimanapun, daripada jumlah itu hanya RM40 juta sudah dibelanjakan kepada kira-kira 5,000 peminjam dengan kadar pinjaman maksimum RM5,000 setahun. Kita harap lebih ramai lagi pekerja di sektor industri akan menggunakan peruntukan ini untuk kemajuan diri mereka," katanya.

Hasrat kerajaan adalah untuk melatih seramai 25,000 pekerja mahir dan separuh mahir setahun melalui pusat-pusat kemahiran yang dikendalikan swasta manakala melalui pusat kemahiran milik kerajaan seperti Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran Malaysia dan sebagainya, ia mampu mengeluarkan seramai 40,000 pelatih setiap tahun.

"Oleh itu, kita kini sedang giat untuk mempromosikan bidang kemahiran kepada pelajar, belia melalui kempen di sekolah-sekolah dan peringkat Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) untuk melatih lebih ramai pekerja mahir dan separuh mahir di negara ini," katanya.

-- BERNAMA

SBS PR